

LAWATAN DAN PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MEJ MOHD RASHIDI BIN MANSOR TUDM

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3556-lawatan-dan-penyerahan-sumbangan-kepada-mej-mohd-rashidi-bin-mansor-tudm

BUTTERWORTH, 7 Jun 18 – Lawatan dan penyerahan sumbangan kebajikan kepada Mej Mohd Rashidi bin Mansor TUDM telah diadakan di kediamannya di Sungai Petani, Kedah. Beliau menerima sumbangan bernilai RM 200.00 yang disampaikan dalam bentuk wang tunai serta hamper. Beliau juga turut menerima dua keping cek daripada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) dan Tabung Zakat Angkatan Tentera Malaysia (TZ ATM) masing-masing bernilai RM 600.00. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Komander Pangkalan, Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM yang disaksikan oleh Pegawai Memerintah No 3 Skuadron, Lt Kol Raja Abdul Latif bin Raja Ahmad TUDM dan juga Ketua Cawang Tadbir, Lt Kol Roslan bin Bakar TUDM serta rombongan.

